

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN FONG KUI LUN**
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : **KHAMIS, 28 MEI 2015**
RUJUKAN : **L4 [PR-1332-L68888]**
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah sebab sehingga kini DBKL dan jabatan berkaitan gagal menyelesaikan masalah banjir kilat yang melanda pusat Bandaraya dari semasa ke semasa, ketidakberkesanan kutipan sampah-sarap, caj parkir persendirian yang mahal, berleluasanya penjaja dan peniaga asing serta kekurangan kawalan keselamatan di pusat bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah banjir kilat, kutipan sampah-sarap, caj parkir persendirian, penjaja dan peniaga asing serta kawalan keselamatan di Bandaraya Kuala Lumpur bagi memastikan kesejahteraan dan keselesaan hidup masyarakat sentiasa diberi keutamaan.

MASALAH BANJIR KILAT

Sejak tahun 2007, pihak Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah pun melaksanakan tiga projek lencongan sungai dan tadahan untuk mengatasi masalah banjir besar di kawasan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur yang disebabkan oleh limpahan air sungai utama iaitu:

- a) Projek Terowong SMART;
- b) Projek Sungai Keroh By-Pass;
- c) Projek Sungai Gombak By-Pass.

Walau bagaimana pun, banjir kilat yang berskala kecil didapati masih berlaku. Di antara sebab kejadian banjir kilat adalah:

- a) Sikap dan tabiat warga kota, golongan peniaga dan penjaja yang suka membuang sampah ke dalam longkang menyebabkan sistem perparitan tersumbat;

- b) Penyambungan haram talian perkhidmatan bangunan seperti paip air, paip pendingin hawa di dalam parit tepi jalan oleh pekedai yang mengganggu pengaliran parit tepi jalan;
- c) Pembuangan minyak dan lemak oleh penjaja dan pekedai makanan terus ke parit tepi jalan menyebabkan pengecilan kapasiti saluran perparitan apabila minyak membeku;
- d) Pelepasan air buangan daripada tapak-tapak projek pembinaan menyebabkan masalah mendapan di dalam sistem perparitan;
- e) Pemasangan talian dan paip oleh syarikat perkhidmatan (seperti kabel elektrik, pembedungan, paip air) yang saling bertindan dan menembusi sistem perparitan sedia ada; dan
- f) Kerosakan sistem perparitan dan *culvert* akibat daripada projek-projek mega/ raksasa yang sedang giat dilaksanakan di Kuala Lumpur seperti projek KVMRT.

Kementerian akan terus memantau dan menyelaras untuk memastikan semua isu di atas dapat ditangani dengan baik supaya kejadian banjir kilat dapat dikurangkan ke tahap minimum.

MASALAH KUTIPAN SAMPAH SARAP

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bermula pada 1 September 2011 perkhidmatan kutipan sampah telah diambil alih oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) melalui program penswastan penuh oleh Kerajaan.

Walau bagaimana pun, pihak DBKL atas rasa tanggungjawab dan kepentingan terhadap kebersihan awam, masih membantu memantau perkhidmatan tersebut bagi memastikan kebersihan setiap masa di kawasan – kawasan tumpuan awam khususnya pelancongan di pusat bandar Kuala Lumpur.

Bagi mengatasi masalah tersebut pihak DBKL telah mengambil langkah dengan menambah kekerapan kutipan dari sehari sekali kepada 2 kali kutipan sehari yang meliputi waktu siang dan malam. Penambahan kekerapan kutipan telah dilaksanakan di kawasan pusat bandar dan tumpuan awam seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Raja Laut, sekitar Masjid India, Jalan Bukit Bintang.

Pihak DBKL juga akan mempertingkatkan pemantauan di samping mengadakan perbincangan dengan PPSPPA dari masa ke semasa bagi tujuan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kutipan sampah.

Mengikut statistik aduan awam yang diterima berkaitan perkhidmatan kutipan sampah, pada tahun 2013 aduan yang diterima adalah sebanyak 1702 aduan, manakala pada tahun 2014 sebanyak 1500 aduan diterima (sumber dari Syarikat Alam Flora Sdn Bhd). Pengurangan bilangan aduan ini menunjukkan tindakan yang diambil oleh DBKL dapat meningkatkan kualiti tahap perkhidmatan kutipan sampah.

MASALAH CAJ PARKIR PERSENDIRIAN

DBKL sedar bahawa kadar caj meletak kenderaan di Kuala Lumpur adalah tidak seragam dan kurang munasabah di sesetengah tempat. Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemudahcara Perniagaan Bil 1/2013 pada 19 Ogos 2013 yang dipengerusikan oleh Ahli Lembaga Penasihat DBKL dan telah dipersetujui agar pemilik atau operator tempat meletak kenderaan persendirian dibenarkan menggunakan kadar caj masing-masing yang telah diluluskan dalam lesen yang diberikan.

Cadangan untuk menyeragamkan kadar caj tempat meletak kenderaan persendirian dilihat tidak praktikal memandangkan tahap keselesaan, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di tempat meletak kenderaan persendirian adalah berbeza-beza.

Sebagai contoh, ada di antara pengusaha-pengusaha tempat meletak kenderaan persendirian menyediakan *sensor parking*, CCTV, parking khas kepada pemandu wanita tunggal dan OKU, pondok bayaran mesin *autopay*, kawalan keselamatan 24 jam, penyediaan *speaker* bagi membolehkan pelanggan mengutarakan masalah yang dihadapi di petak parkir, alat pencegahan kebakaran, penyediaan pencahayaan yang terang serta menyediakan perkhidmatan pembersihan tempat letak kereta tersebut.

MASALAH PENJAJA DAN PENIAGA ASING

Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia maklum akan masalah penjaja dan peniaga warga asing di pusat bandaraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan warga asing tidak dibenarkan sama sekali dalam aktiviti penjajaan kerana tertakluk dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai WPKL 1989. Pada tahun 2015 sebanyak **1,794** tindakan sita telah diambil ke atas warga asing yang bertindak sebagai penjaja. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, sebanyak **929** premis/penjaja membabitkan warga asing telah disita di **kawasan Bukit Bintang**.

Selain itu, DBKL akan mengambil tindakan penguatkuasaan melalui pembatalan lesen jika terdapat penjaja tempatan yang menggajikan warga asing sebagai pembantu atas alasan tiada warga tempatan yang ingin bekerja dengan mereka. Berdasarkan statistik tahun 2015 sebanyak **50** penjaja telah dibatalkan lesen kerana menggunakan pembantu/ pekerja warga asing.

MASALAH KAWALAN KESELAMATAN

Umumnya, perkara yang berkaitan keselamatan adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimana pun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) membantu dalam urusan keselamatan awam di Kuala Lumpur melalui penyediaan CCTV khas pemantauan jenayah di mana imej dihantar terus ke IPK dan IPD.

Pada masa ini sebanyak 309 buah CCTV pemantauan jenayah telah dipasang dan beroperasi. Sebarang tambahan bilangan CCTV ini tertakluk kepada keperluan yang ditentukan oleh Polis Diraja Malaysia. Selain daripada itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memasang pagar *anti-climb* di laluan pejalan kaki bagi mengelak kejadian ragut.